



## جابتني أقسام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(82)

Tarikh: 26 Rabiulawwal 1447H  
26 Ogos 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	29 Ogos 2025 / 5 Rabiulawwal 1447
Tajuk	Kemerdekaan – Sejarah dan Cabaran

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**

**KEPADA KHATIB / IMAM BERTUGAS**

**PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 29 OGOS 2025**

**PERKARA: “*PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU SESI SEPTEMBER 2025 DI USAS*”**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman yang akan saya kongsikan, sukacita dimaklumkan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) milik penuh kerajaan negeri Perak mempelawa pelajar lepasan SPM, STPM & STAM untuk menyambung pengajian di peringkat asasi, diploma dan ijazah sarjana muda.

Pengambilan pelajar sesi September 2025 sedang dibuka dan tutup permohonan pada 26 September 2025. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian. Layari laman sesawang [www.usas.edu.my](http://www.usas.edu.my) atau untuk maklumat lanjut sila hubungi 05-7732298



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahhan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## **“KEMERDEKAAN – SEJARAH DAN CABARAN”**

29 Ogos 2025 / 5 Rabiulawwal 1447

الْحَمْدُ لِلّٰهِ ذِي الْعِزَّةِ وَالْجَلَالِ، يَنْصُرُ الْعَامِلِينَ وَيُعِزُّ الصَّادِمِينَ الصَّابِرِينَ، بِنِعْمَةِ  
الْحُرْيَّةِ وَالْإِسْتِقْلَالِ، أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

## **Jemaah yang dirahmati Ilahi,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Menjelang sambutan Hari Kebangsaan, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## **“KEMERDEKAAN – SEJARAH DAN CABARAN”**

Firman Allah SWT:

﴿أُذْنَ لِلَّذِينَ يُقَاتِلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلْمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرٍ هُمْ لَقَدِيرُ﴾ (٣٩)

Bermaksud: "Telah diizinkan berperang bagi orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dizalimi. Dan sesungguhnya Allah benar-benar Maha Berkusa menolong mereka itu (mencapai kemenangan)." (Surah Al-Haj ayat 39)

(Surah Al-Haj ayat 39)

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

Selawat ke dua



Dua hari lagi kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan kali keenam puluh lapan. 31 Ogos ialah tarikh bersejarah – tarikh pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka. Sesungguhnya kemerdekaan yang kita nikmati hari ini merupakan satu nikmat kurniaan Allah SWT yang perlu kita syukuri dan pelihara dengan sebaiknya kerana kemerdekaan ini tidak dicapai dengan mudah. Kemerdekaan dicapai melalui keazaman, kegigihan, kecekalan dan pengorbanan para penentang penjajahan dan para pejuang kemerdekaan.

Kemerdekaan bukanlah sekadar gegak gempita laungan pengisytiharan yang bergema di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957, dan diulangi dengan perbarisan raksasa setiap 31 Ogos, berserta kibaran jalur gemilang di serata tempat. Kemerdekaan ialah kisah yang amat panjang bermula ikrar setia di antara rakyat dan raja, lalu terbina sebuah empayar, megahnya satu bangsa, hingga berarak awan hitam hasad dengki, menggilanya ribut kezaliman, meruntuhkan tangga istana, merobohkan tembok-tembok kota.

Kemerdekaan ialah kenangan yang amat hiba. Bumi kita dijajah selama 446 tahun. Peristiwa pahit penjajahan bermula dengan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511; disusuli dengan penaklukan Belanda pada tahun 1641, diserahkan kepada British pada tahun 1824, yang memulakan penguasaan secara berperingkat, menjadi semakin ketara memulakan campur tangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu selepas Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Bumi ini kemudiannya berada di bawah penjajahan Jepun selama tiga tahun lapan bulan, bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Kota Baharu, Kelantan pada 8 Disember 1941 dan berakhir pada akhir tahun 1945; dan kembali kepada pemerintahan Inggeris sehingga pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Kemerdekaan membolehkan kita pada hari ini berdiri sebagai rakyat merdeka di negara yang berdaulat. Kemerdekaan telah memberikan hak kepada rakyat di bumi ini untuk mengurus tadbir, menguasai sumber kekayaan, menentukan arah haluan, membangunkan dan memakmurkan negara ini untuk manfaat rakyat jelata.



## Jemaah yang dirahmati Ilahi.

Kemerdekaan telah dituntut dan diperjuangkan oleh pahlawan bangsa yang bertahan dan mengatur serangan untuk menebus maruah; menitis darah dan air mata di sepanjang jalan, dari Rembau, Naning ke Pasir Salak, dari Semantan ke bumi Kelantan, Kuala Selangor dan Kuala Kedah. Maharajalela, Ngah Jabur, Dol Said, Bahaman, Tuk Gajah, Mat Kilau, Tuk Janggut, Tunku Kudin, Rosly Dhoby dan ratusan lagi pahlawan bangsa tidak bernama telah bermandi darah bergadai nyawa untuk membayar harga kemerdekaan negara.

Kemerdekaan ialah milik termahal, berdosalah sesiapa yang mempersiasikan. Oleh itu sebab kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka begitu juga ruang yang membolehkan kuasa luar bertapak di bumi ini, sewajarnya dijadikan peringatan pada kita hari ini. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka jatuh, apabila rakyat mulai merasa telah berlaku kezaliman dan ketidakadilan; apabila khazanah negara telah mula disalah guna, serta rasuah, perebutan kuasa, fitnah, dengki dan hasad menjadi budaya; apabila kesetiaan kepada puak dan kumpulan mengatasi kesetiaan kepada negeri, dan apabila beralihnya kesetiaan kepada raja dan negara. Lalu kerajaan menjadi lemah dan rakyat berpecah belah. Akibatnya bumi dan rakyat membayar harga yang mahal, hilang maruah – hilang kedaulatan; negeri ditakluk – rakyat dijajah.

## Jemaah Rahimakumullah

Negara pada hari ini tidak kebal dan tidak bebas daripada menghadapi ancaman penjajahan baharu yang muncul melalui arus globalisasi yang menyerang dan mengelirukan pemikiran dan budaya, khususnya dalam kalangan generasi muda. Ancaman penjajahan baharu tidak lagi memerlukan pertempuran ketenteraan secara fizikal, tetapi melalui penjarahan minda dan jati diri bangsa, sekali gus boleh menghancurkan sesebuah negara. Oleh itu negara dan warga mempunyai cabaran dan tanggungjawab besar membina benteng pertahanan berbentuk kekuatan minda dan kekuatan budaya, terutama dalam kalangan generasi muda. Jati diri anak muda perlu diutamakan dengan membina kekuatan dalaman dan kekuatan roh, melalui pengukuhan akidah dan nilai Islam.



Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah untuk membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia kepada perhambaan semata-mata kepada Allah. Islam terbukti berjaya memerdekakan manusia daripada kehidupan dunia yang sempit kepada kehidupan akhirat yang lebih luas. Sesungguhnya mengisi kemerdekaan dengan nilai Islam merupakan perjuangan yang berterusan. Kemerdekaan yang tidak disertai dengan pengisian rohani dan tanggungjawab sebagai hamba llahi hanya akan menjadikan kemerdekaan itu kosong tidak bermakna.

Menyedari musuh dan ancaman negara itu datang dalam pelbagai bentuk, kemerdekaan negara ini hendaklah dibina benteng pertahanannya bertiangan syariat. Umat Islam hendaklah berada di barisan hadapan, menjadi pembina peradaban, dan bukan perosak tamadun. Jangan dibiarkan generasi akan datang hidup secara zahir dalam negara yang merdeka, tetapi dijahah oleh keruntuhan moral dan kecelaruan identiti.

### **Jemaah yang dilimpahi perlindungan llahi**

Kemerdekaan yang telah dicapai dan kita nikmati ini hendaklah dihargai dan dipelihara melalui empat pendekatan berikut:

**Pertama:** Sifat yang mensyukuri nikmat kemerdekaan dengan memelihara perpaduan dan hubungan harmoni antara rakyat berbilang kaum yang mengamalkan pelbagai budaya, menguasai pelbagai bahasa dan menganut pelbagai agama.

**Kedua:** Generasi muda dididik supaya memahami sejarah dan makna kemerdekaan; diperkuuhkan jati diri mereka, diperteguhkan akhlak dan akidah mereka agar selaras dengan syariat.

**Ketiga:** Para pemimpin yang diberikan amanah oleh llahi dan kepercayaan oleh rakyat hendaklah mengurus tadbir negara ini secara adil dan telus, meluhurkan perlembagaan, mendaulatkan undang tanpa gentar dan pilih kasih; memakmurkan sumber kekayaan negara secara saksama, bersifat amanah, jujur dan ikhlas, bersih daripada rasuah dan tidak sama sekali menyalah guna kuasa.



**Keempat:** Menghentikan sifat-sifat tamak, haloba, berdengki, menyebar fitnah, mengadu domba dan bersengketa sesama kita.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Limpahi rahmat dan ihsan Mu kepada roh para pejuang kemerdekaan negara kami. Tempatkan roh mereka dalam kalangan roh para Solihin. Lindungi negara kami daripada sebarang ancaman yang boleh menggugat kedaulatan sebuah negara merdeka. Bimbang kami agar sentiasa mensyukuri nikmat kemerdekaan negara ini dan pandu kami untuk berupaya mengisi kemerdekaan ini melalui jiwa dan minda yang mendapat keredaan Mu.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.



**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتِ وَإِيتَاهُ إِلَيْهِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى  
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.